

# 20 peserta hadir kursus Kuku Besi

5/5/11  
Khan

**PARIT RAJA** – Selain mempunyai bakat, kerja yang berkaitan dengan fotografi memerlukan seseorang penggemar seni berkenaan perlu tahu teknik-teknik yang digunakan bagi membuahkan hasil yang terbaik.

Anak syarikat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) iaitu UTHM Holdings mengambil pendekatan dengan mengadakan satu kursus fotografi yang dikenali sebagai Kuku Besi Live @ Batu Pahat.

Kuku Besi atau nama sebenarnya Muhammad Fazli Latif berkata, setiap mereka yang berminat dengan seni fotografi perlu membuang sifat malu dan harus menunjukkan bakat yang ada.

Beliau berkata, begitu lah pengalaman yang diperoleh sehinggalah hasil te-

**“Segala perasaan malu perlu dibuang dan yang paling penting tanamkan semangat yang ada kerana ia perlu untuk menghasilkan satu produk yang terbaik”**

- Kuku Besi

rakhir yang membuatkan dirinya semakin dikenali iaitu dengan menghasilkan filem epik, Hikayat Merong Mahawangsa.

“Segala perasaan malu perlu dibuang jauh-jauh dan yang paling penting ialah tanamkan semangat yang ada kerana ia amat perlu untuk menghasilkan satu produk yang terbaik.

“Kejayaan yang dikecap dengan menghasilkan seni fotografi yang terbaik bermula daripada kegagalan dan tidak berputus asa,” katanya semasa kursus berkenaan yang dihadiri oleh 20

peserta di sekitar Parit Raja, baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Urusan UTHM Holdings, Baharuddin Mohamed dan Pegawai UTHM Holdings, Aniza Asri.

Kuku Besi berkata, salah satu cabang yang paling digemari jurufoto atau penggemar seni fotografi ini ialah teknik penyuntingan atau juga dikenali sebagai mengedit gambar yang diambil.

Menurutnya, tujuan utama teknik penyuntingan adalah untuk menghaluskan serta mencantikkan



■ Kuku Besi (kiri) ketika mengajar teknik yang terbaik semasa menangkap gambar bagi menghasilkan produk yang terbaik.

gambar yang diambil supaya ia mendapatkan kepuasan dan juga hasil yang terbaik serta sedap untuk dilihat.

“Tanpa penyuntingan gambar yang diambil sudah tentu tidak akan

menarik kerana teknik penyuntingan ini akan memasukkan beberapa kesan khas kepada sesuatu gambar.

“Pelbagai perisian boleh digunakan untuk menyunting gambar.

“Diharapkan dengan mempelajari beberapa teknik dalam fotografi ini, ia bakal menghasilkan lebih ramai lagi pakar atau mereka yang mahir dalam seni yang semakin mendapat tempat ini,” katanya.